

Amalan Tabayyun Netizen dalam Menerima dan Menyampaikan Maklumat di Media Sosial

Tabayyun Netizens Practices in Receiving and Conveying Information on Social Media

Nuramaliya Mohamad Rosman¹, Rosmawati Mohamad Rasit²

Terima	Wasit	Muat Naik e-Jurnal
15 JAN 2021	5 FEB 2021	25 MEI 2021

ABSTRAK

Penggunaan aplikasi media sosial di era globalisasi kini telah menjadi satu trend dalam penyaluran dan penerimaan maklumat dengan pantas dan berkesan. Namun, penyaluran dan pengaksesan maklumat tanpa kawalan dapat mewujudkan impak yang negatif terhadap lambakan maklumat yang mempunyai variasi status kesahihannya. Implikasinya boleh terdedah kepada wujudnya penyebaran berita palsu dan fitnah. Walau bagaimanapun, kesahihan sesuatu berita di media sosial dapat diukur bergantung kepada cara pengguna tersebut mengendalikan sesuatu maklumat yang diterima. Amalan menyelidik dan membuat penilaian harus didahulukan sewaktu menerima sebarang maklumat dan informasi di media sosial bagi mengelakkan penularan berita palsu. Pengamalan konsep tabayyun harus diaplikasi oleh warga netizen iaitu proses tapisan, penilaian maklumat dengan cermat dan teliti sewaktu menerima dan menyebarkan sesuatu maklumat. Namun, tahap penilaian maklumat di media sosial bergantung kepada reaksi dan persepsi netizen terhadap maklumat yang diterima. Faktor latar belakang netizen yang berbeza seperti umur, tahap pendidikan, tahap penggunaan dan sebagainya mempengaruhi cara seseorang pengguna menerima dan menyebarkan maklumat di media sosial. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk menganalisis sejauhmana amalan tabayyun netizen dalam menerima dan menyebarkan maklumat di media sosial. Seramai 14 orang informan yang terdiri dari kalangan netizen muslim yang berumur antara 18 hingga 30 tahun telah dibahagikan kepada dua jenis kumpulan iaitu kumpulan netizen yang mempunyai latar pendidikan Ijazah Sarjana Muda dan kumpulan netizen yang mempunyai tahap pendidikan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif dengan kaedah temu bual separa struktur dan perbincangan kumpulan fokus. Kajian menggunakan kaedah persampelan bertujuan dan data dianalisis menggunakan perisian Atlas.ti. Hasil kajian mendapati bahawa kedua-dua jenis netizen mempunyai amalan tabayyun yang hampir sama iaitu terima, selidik dan sebar. Namun terdapat sedikit perbezaan dari sudut cara penelitian maklumat iaitu pemilihan rujukan sumber. Kumpulan netizen pertama mempunyai amalan tabayyun yang baik dengan berhati-hati dalam menerima maklumat dan merujuk kepada sumber yang sahih dan berautoriti sebelum berkongsi. Manakala sebahagian daripada informan kumpulan kedua dilihat mempunyai tahap amalan tabayyun yang kurang memuaskan. Kumpulan kedua menerima maklumat dan menentukan kesahihannya melalui foto dan ruang komen di aplikasi media sosial menunjukkan kurangnya sikap berhati-hati sewaktu mencari, menerima, menyelidik dan menyebarkan maklumat.. Faktor perbezaan latar belakang dan tahap pendidikan mendorong kepada sikap dan cara netizen belia muslim

¹ Universiti Kebangsaan Malaysia, UKM. amaliyarosman@gmail.com

² Universiti Kebangsaan Malaysia, UKM. rosmawati@ukm.edu.my

dalam mencari dan menerima maklumat di media sosial. Justeru itu, amalan konsep tabayyun perlu diterapkan dalam kalangan masyarakat bagi mengawal penularan isu berita palsu.

Kata kunci: *Media sosial, lambakan maklumat, berita palsu, tabayyun, netizen*

ABSTRACK

The use of social media applications in the era of globalization has now become a trend in the distribution and reception of information quickly and effectively. However, the distribution and access of information without control can create a negative impact on the dumping of information that has variations in its validity status. The implications can be exposed to the spread of false and defamatory news. However, the validity of a news item on social media can be measured depending on the way the user handles the information received. The practice of researching and making assessments should be prioritized when receiving any information and information on social media to avoid the spread of fake news. The practice of the concept of tabayyun should be applied by netizens, namely the screening process, careful and thorough evaluation of information while receiving and disseminating information. However, the level of information evaluation on social media depends on the reaction and perception of netizens on the information received. Different netizen background factors such as age, level of education, level of use and so on influence the way a user receives and disseminates information on social media. Therefore, this article aims to analyze the extent to which netizens tabayyun practices in receiving and disseminating information on social media. A total of 14 informants consisting of Muslim netizens aged between 18 to 30 years have been divided into two types of groups, namely the group of netizens with a Bachelor's Degree background and the group of netizens with the level of Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) education. This study uses a descriptive qualitative approach with a semi-structured interview method and focus group discussion. The study used a purposeful sampling method and the data were analyzed using Atlas.ti software. The results of the study found that the two types of netizens have almost the same tabayyun practices, namely acceptance, research and dissemination. However, there is a slight difference in terms of the way information is analyzed, namely the selection of source references. The first group of netizens had good tabayyun practices with caution in receiving information and referring to authentic and authoritative sources before sharing. While some of the informants of the second group were seen to have an unsatisfactory level of tabayyun practice. The second group receives information and determines its validity through photos and comment space on social media applications shows a lack of caution when searching, receiving, researching and disseminating information. Factors of differences in background and level of education lead to attitudes and ways of Muslim youth netizens in searching and receive information on social media. Therefore, the practice of the concept of tabayyun needs to be applied in society to control the spread of fake news issues.

Keywords: *Social media, information dumping, fake news, tabayyun, netizens*

PENGENALAN

Dunia teknologi dan maklumat kini semakin berkembang dengan pantas seiring dengan peredaran masa bagi memenuhi kehendak dan keperluan manusia. Perkembangan teknologi peranti pintar membolehkan manusia untuk berhubung dan berinteraksi melalui jaringan sosial

dalam ruang dunia virtual secara atas talian (Farah Waheeda et al, 2019). Penggunaan aplikasi media sosial di era globalisasi kini telah menjadi satu tren dalam penyaluran dan penerimaan maklumat dengan pantas dan berkesan. Penyaluran maklumat yang banyak kepada pengguna media sosial dapat dilakukan dengan pantas dan mudah melalui jaringan media sosial (Ali Salman & Siti Minanda, 2017).

Hal ini disokong oleh Nor Aslamiah (2012) aplikasi-aplikasi seperti Facebook, Wechat, Whatsapp, Twitter dan sebagainya dijadikan sebagai platform utama perkongsian dan penyaluran maklumat serta agen komunikasi tanpa sempadan dengan cepat dan efektif. Menurut Nor Aslamiah (2012), rangkaian media sosial yang membolehkan perhubungan tanpa batasan digambarkan sebagai "*death distance*" yang mewujudkan warga maya atau warga netizen yang bergerak secara atas talian. Penyaluran dan pengaksesan maklumat mudah dan pantas untuk dicapai dihujung jari sahaja. Hal yang demikian dapat mewujudkan satu tren dan fenomena bagi setiap lapisan masyarakat (Faradillah Iqmar et al, 2015).

Walau bagaimanapun, kemudahan dan keterbukaan dalam mencapai dan menyalurkan maklumat tanpa kawalan dapat memberikan impak yang negatif terhadap lambakan maklumat yang mungkin bercampur baur dengan berita yang sahih dan tidak sahih (Muhammad Faisal et al, 2019). Hal ini disokong oleh Farah Waheeda et al, (2019) kewujudan lambakan maklumat di media sosial menjadi punca kepada maklumat bercampur baur dengan sahih dan yang tidak sahih bahkan bercampur juga dengan maklumat yang berunsur fitnah. Hal yang demikian, lambakan maklumat dapat menimbulkan kekeliruan dan keraguan kepada netizen terhadap status kesahihan maklumat tersebut serta berisiko untuk mudah terdedah dengan maklumat yang tidak jelas (Ali Salman et al, 2018).

Tambahan lagi, menurut Zulkiple Abd Ghani (2010) netizen kini lebih bersikap teruja dan gemar untuk berkongsi maklumat yang diterima terlebih dahulu berbanding mendahulukan sikap memeriksa dan menyelidik sesuatu maklumat dengan teliti. Implikasi daripada kewujudan lambakan maklumat ini menjadi punca netizen menjadi keliru dan tidak dapat menilai maklumat dengan tepat. Hal ini disokong oleh Ali Salman et al, (2018) status kesahihan lambakan maklumat yang pelbagai di alam maya dapat menjadi faktor wujudnya penularan berita palsu bahkan fitnah yang boleh menyebabkan netien menjadi panik dan huru-hara serta boleh menjadi punca perpecahan perbalahan dan pergaduhan.

Sehubungan dengan itu, amalan menyelidik dan membuat penelitian harus didahulukan sewaktu menerima sebarang maklumat dan informasi daripada media sosial bagi mengelakkan penularan berita palsu (Farah Waheeda et al. 2019). Netizen perlu peka dan mempunyai sikap mengambil berat terhadap status kesahihan maklumat yang diterima dengan cara membuat penilaian dengan teliti sewaktu menerima dan menyebarkannya (Wan Hakim et al. 2018). Hal ini disokong oleh Musa et al. (2011) netizen perlu mendahulukan konsep tabayyun yang dituntut di dalam Islam iaitu proses tapisan, penilaian maklumat dengan cermat dan teliti sewaktu menerima dan menyebarkan sesuatu maklumat.

Namun menurut Muhammad Faisal et al, (2019) tahap penilaian maklumat di media sosial bergantung kepada reaksi dan persepsi netizen terhadap maklumat yang diterima. Reaksi dan persepsi penerimaan maklumat di media sosial bagi golongan muda adalah berbeza dengan golongan yang lebih berusia bergantung kepada faktor latar belakang mereka seperti tahap pendidikan, persekitaran dan tempat tinggal. Faktor perbezaan latar belakang juga mempengaruhi cara seseorang pengguna menerima dan menyebarkan maklumat di media sosial. Sikap netizen dalam menerima maklumat menentukan tahap penilaian dan kebolehpercayaan terhadap sesuatu maklumat yang diterima (Muhammad Faisal et al. 2019).

Hal ini disokong oleh Sara (2017) tahap penilaian dan penelitian maklumat seseorang individu itu bergantung kepada faktor persekitaran, usia, lokasi, tahap akademik serta tahap penggunaan dan penguasaan teknologi maklumat.

Tambahan lagi tahap penilaian maklumat seseorang individu di media sosial bergantung kepada kemampuan kognitif individu tersebut yang mencakupi aspek pengetahuan, pemahaman, penerapan, analisis dan penilaian (Sara, 2017). Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti amalan tabayyun netizen dalam menerima dan menyampaikan maklumat di media sosial dari sudut perbezaan latar belakang dan tahap pendidikan mereka.

KEBANJIRAN MAKLUMAT DAN BERITA PALSU DI MEDIA SOSIAL

Kemajuan teknologi dan maklumat membolehkan manusia bebas untuk berkomunikasi dan mengakses maklumat serta berhubung tanpa sempadan khususnya melalui rangkaian media sosial. Segala maklumat yang diakses dan dikongsi serta info dan ilmu pengetahuan mudah tersebar dengan cepat dan pantas (Siti Ezaleiza et al, 2011). Kemudahan pengaksesan dan penyaluran maklumat melalui rangkaian aplikasi media sosial seperti Facebook, Wechat, Twitter dan sebagainya kini lebih pantas dan efektif serta bersifat dinamik dan interaktif dengan beberapa klik sahaja (Muhammad Faisal et al, 2019).

Menurut Adrews (2011) penggunaan rangkaian media sosial membolehkan seseorang individu mengakses dan mencari maklumat dengan mudah disamping dapat mengetahui perkembangan semasa individu lain. Kecanggihan ini secara tidak langsung banyak mempengaruhi terhadap peningkatan perkembangan sosial masyarakat di alam maya sekaligus menjadi alat bagi memenuhi keperluan manusia. Walaubagaimanapun, kecanggihan rangkaian media sosial secara tidak langsung dapat membawa kepada sudut positif dan negatif kepada manusia.

Menurut Zulkiple Abd Ghani (2010) kebebasan dan keterbukaan pencarian dan perkongsian maklumat di media sosial dapat memberi kesan terhadap lambakan maklumat yang bercampur baur status kesahihannya samada sah atau tidak sah. Hal ini disokong oleh Sharifah Sari (2018) maklumat yang terdapat di dalam jaringan media sosial kebanyakannya tidak dapat dipastikan kesahihannya secara keseluruhan. Hal demikian netizen terdedah kepada kekeliruan dalam menilai sesuatu status kesahihan maklumat tersebut.

Peranan media sosial adalah sebagai platform dalam memberi info yang bermanfaat kepada manusia. Namun, kehadiran lambakan maklumat di media sosial membuatkan manusia menjadi keliru dan kesuntukan masa untuk meneliti kesahihan kesemua maklumat secara tidak langsung menjejaskan peranan tersebut (Muhammad Faisal et al. 2019). Hal yang demikian membawa kepada implikasi kewujudan penularan berita palsu bahkan fitnah yang boleh memecah belahkan keharmonian masyarakat sesebuah negara (Ali Salman et al. 2018). Masyarakat kini lebih gemar dan lebih teruja untuk berkongsi maklumat yang diterima di media sosial berbanding mengutamakan status kesahihan sesuatu maklumat tersebut (Wan Hakimin et al. 2018).

Menurut Ika Rusdina (2018) pola pemikiran dan sikap sesebuah masyarakat boleh dipengaruhi oleh maklumat yang tersebar di media sosial. Oleh yang demikian, penyebaran berita palsu yang banyak dapat memberi impak yang negatif terhadap sikap seseorang individu. Justeru itu sikap individu yang mengambil ringan dan tidak mengendahkan terhadap status kesahihan sesuatu maklumat mendatangkan kesan yang negatif terutama dalam menyumbang

penyebaran berita palsu dan fitnah yang boleh memecahbelahkan kesejahteraan masyarakat (Muhammad Faisal et al. 2019). Keadaan ini membimbangkan kerana berita palsu yang terdapat di media sosial lebih mudah tersebar dengan cepat berbanding dengan berita yang benar (Ika Rusdina. 2018).

Menurut Bernama (2017) telah dilaporkan terdapat sebanyak 1861 kes penyebaran berita palsu yang telah disekat dan disebarikan melalui laman sesawang, portal dan blog. Begitu juga dengan pandemik yang berlaku kini mengenai penularan wabak COVID-19 yang mana terdapat sebanyak 259 kes berita palsu yang telah dilaporkan oleh pihak Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Antara berita palsu yang tersebar luas adalah mengenai isu kekurangan bekalan makanan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dijalankan yang akhirnya menjadi punca kepada *panic buying* dalam kalangan masyarakat (Mohd Iskandar et al. 2020).

Hal demikian jelas menunjukkan bahawa isu *viral* dan penularan berita yang tidak jelas mampu mempengaruhi sikap sesebuah masyarakat dan mudah disebarikan melalui rangkaian media sosial (Sara. 2017). Sehubungan dengan itu, pihak kerajaan turut mengambil inisiatif bagi membendung kes penularan berita palsu dengan menubuhkan satu laman sesawang yang dikenali sebagai *Sebenarnya.my* yang bertujuan untuk menjelaskan status kesahihan sesuatu maklumat yang tular (Nadia. 2017).

Sehubungan dengan itu, menurut Mohd Asim Ismail (2018) kepentingan dalam menitikberatkan status kesahihan sesuatu maklumat yang diterima amat penting sebelum berkongsi kepada orang lain. Setiap maklumat yang diterima haruslah diteliti dan membuat kepastian terlebih dahulu dari sumber yang sahih bagi mengetahui status sebenar maklumat tersebut bagi mengelakkan kes penularan berita palsu tersebar dengan luas (Wan Hakimin et al. 2018).

KONSEP TABAYYUN DALAM MENERIMA DAN MENYEBARKAN MAKLUMAT

Kemudahan dan kecanggihan rangkaian media sosial menyajikan lambakan maklumat yang mudah dan pantas untuk diperolehi. Namun, status kesahihan maklumat-maklumat yang terdapat di dalam media sosial bercampur baur dengan berita yang benar dan salah begitu juga dengan yang palsu dan yang benar (Zulkiple Abd Ghani et al. 2010). Implikasinya boleh membawa kepada perselisihan faham, permusuhan, perpecahan bahkan fitnah disebabkan tularnya berita palsu (Muhamad Faisal et al. 2017).

Menurut Hoq (2014) lambakan maklumat di media sosial menjadikan pengguna mudah keliru dan kebanyakan pengguna mempunyai tahap pengendalian maklumat yang rendah di alam maya dari sudut mengenalpasti maklumat, pencarian dari sumber yang tepat dan membuat penilaian dalam konteks keperluannya. Kesuntukan masa dalam mencari, mendapat dan membuat penelitian maklumat mempengaruhi pandangan dan persepsi yang salah. Kesannya mereka mungkin membuat keputusan dan kefahaman yang salah berdasarkan maklumat yang tidak mencukupi dan tidak tepat serta menimbulkan perkara yang negatif dalam diri dan masyarakat. Hal ini kerana berita yang tersebar dan tidak jelas mampu mempengaruhi sikap sesebuah masyarakat (Sara. 2017).

Sehubungan dengan itu, netizen harus peka dan menitikberatkan amalan menyelidik dan menilai dengan teliti setiap maklumat yang diterima bagi memastikan status kesahihan maklumat di media sosial itu benar dan mengelakkan penyebaran berita palsu (Wan Hakimin

et al. 2018). Hal ini disokong oleh Musa et al. (2011) proses tapisan, penilaian maklumat dengan cermat dan teliti semasa menerima dan menyebarkan maklumat di media sosial amatlah dituntut di dalam Islam yang dikenali sebagai konsep tabayyun. Pengamalan konsep tabayyun dalam kalangan netizen dapat mengelakkan daripada tersebarnya berita palsu dan fitnah yang berleluasa.

Oleh sebab itu, menurut Ifitah (2017) Islam amat menitikberatkan tentang pengamalan konsep tabayyun iaitu berhati-hati dalam menerima maklumat, memastikan dan menilai dahulu kesahihan maklumat atau berita yang diterima sebelum menyebarkannya kepada orang lain. Sebagaimana firman Allah s.w.t di dalam surah Al-Hujurat ayat 6:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِمِجْهَلَةٍ فَتُصْحَبُوا عَلَيْهِ مَا فَعَلْتُمْ
نَدِيمِينَ ﴿٦﴾

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! Jika seseorang yang fasik datang kepadamu membawa suatu berita, maka telitilah kebenarannya agar kamu tidak mencelakakan suatu kaum kerana kebodohan yang akhirnya membawa kepada penyesalan.

(Al-Quran. Al-Hujurat 46:6)

Menurut Ibn Kathir (2012) kalimah فَتَبَيَّنُوا membawa maksud “maka periksalah dengan teliti”. Allah swt memerintahkan kaum mukminin untuk memeriksa dengan teliti berita yang disampaikan oleh orang fasik dan hendaklah bersikap berhati-hati dalam menerimanya. Ayat ini juga melarang kaum mukminin untuk tergesa-gesa menerima maklumat dari orang fasik tanpa diperiksa dan diteliti terlebih dahulu kebenarannya. Orang yang menerima dengan begitu sahaja berita dari mereka, bererti sama dengan mengikuti jejak mereka. Sedangkan Allah Swt. telah melarang kaum mukmin mengikuti jalan orang-orang yang rosak. Hal ini kerana orang yang tidak mempedulikan kefasikannya tentu tidak akan mempedulikan kedustaan berita yang disampaikannya. Sikap berhati-hati perlu didahulukan sewaktu menerima maklumat supaya terhindar daripada kesan buruk yang boleh membawa kepada penyesalan iaitu fitnah. Penyesalan yang timbul dapat dihindari jika mempunyai sikap berhati-hati, meneliti dan menyelidik maklumat yang diterima sebelum menyebarkannya.

Menurut Al-Maraghi (1983), kalimah *fatabayyanū* (فَتَبَيَّنُوا) membawa maksud mencari kejelasan. Menurut Dina (2016) kalimah *tabayyun* boleh diertikan sebagai meneliti dan memilih berita serta tidak terdorong gegabah dalam menentukan kesahihan sesuatu maklumat yang diterima sehingga jelas status kebenarannya. Menurut Zulkiple (2010) ayat di atas menunjukkan konsep amalan tabayyun sewaktu proses menerima maklumat yang terdiri daripada tiga elemen penting iaitu memastikan kredibiliti sumber maklumat, keperluan untuk menapis maklumat dan kesan penyebaran maklumat palsu. Kredibiliti sumber sesuatu maklumat bergantung kepada kredibiliti peribadi seseorang tersebut ketika menerima maklumat. Konsep tabayyun bertujuan mendapatkan hasil kesimpulan yang lebih tepat sesuai dengan keadaan masyarakat sekitarnya serta bagi mengelakkan masyarakat terjatuh dalam kancah fitnah (Zulkifle. 2015).

Hal ini disokong oleh Musa (2012) konsep tabayyun adalah proses tapisan dan penilaian maklumat yang diterima dengan teliti dan cermat serta mendahulukan sikap berhati-hati dalam menerima dan menyebarkan maklumat. Pemilihan maklumat dari sumber-sumber yang

dipercayai perlu didahulukan. Sehubungan dengan itu, pengamalan konsep tabayyun perlu dititikberatkan dalam kalangan netizen agar dapat mengelak daripada berlaku penularan berita palsu yang berleluasa. Justeru, variasi berita dan lambakan maklumat yang membanjiri ruang alam maya memerlukan kepada kearifan netizen untuk memilih dengan cermat dan berhati-hati. Khususnya maklumat yang menyentuh isu-isu sensitiviti perkauman, agama dan masyarakat.

Hal ini kerana menurut Iftitah (2017) kesahihan sesuatu maklumat atau berita akan terkait dengan beberapa perkara iaitu kesan penyebaran berita, komen atau reaksi yang diberikan warga netizen serta pertimbangannya. Oleh demikian, surah al-Hujurāt jelas mengisyaratkan bahawa perlunya mendahulukan konsep tabayyun dan membuat *crosscheck* terhadap setiap maklumat yang diperoleh.

METODOLOGI KAJIAN

Menurut Othman Lebar (2006) salah satu kaedah pengumpulan data bagi kajian kualitatif adalah dengan menggunakan kaedah temubual. Pengkaji menggunakan kaedah temubual separa struktur keatas 14 orang warga netizen belia muslim yang berumur antara 18 hingga 30 tahun. Pemilihan informan adalah dari kelompok netizen yang terdiri daripada dua jenis kumpulan yang berbeza latar belakang dan tahap pendidikan mereka. Kaedah temubual separa berstruktur menjadi pilihan pengkaji kerana membolehkan pengkaji untuk mengubah suai soalan dan lebih fleksibel terhadap soalan kajian mengenai sikap netizen belia muslim berhadapan dengan maklumat di media sosial.

Selain itu, pengkaji juga menggunakan kaedah *focus group discussion* iaitu perbincangan kumpulan fokus bagi mendapatkan maklumat dengan lebih terperinci secara diskusi bersama 14 orang informan yang telah dipilih mengikut kriteria yang telah ditetapkan. Menurut Kamarul Azmi (2012), data yang dikumpulkan melalui perbincangan kumpulan fokus akan lebih terperinci dan lebih bersifat lebih interaktif. Setiap data perbincangan merupakan data penting dan akan direkod. Setiap informan diberi peluang untuk menyuarakan pendapat masing-masing serta menyatakan amalan tabayyun mereka sewaktu menerima dan menyebarkan maklumat di media sosial.

Kaedah temubual separa struktur telah dijalankan di dalam sesi perbincangan kumpulan fokus. Pemilihan informan adalah terdiri dariada 14 orang netizen muslim yang berumur antara 18 tahun hingga 30 tahun. 14 orang informan tersebut adalah daripada latar belakang yang berbeza dari segi umur dan tahap pendidikan mereka. Tujuh orang daripada mereka adalah daripada tahap pendidikan Sijil Pelajaran Malaysia dan tujuh orang yang berbaki mempunyai tahap pendidikan yang lebih tinggi iaitu Ijazah Sarjana Muda. Tempoh perbincangan kumpulan fokus dijalankan selama dua jam. Setiap informan telah diberi penjelasan mengenai tujuan kajian dijalankan, etika perlaksanaan kajian serta kerahsiaan maklumat.


Data-data temubual ketika sesi perbincangan kumpulan fokus dijalankan direkod dengan menggunakan rakaman suara dan rakaman video. Data-data tersebut seterusnya ditukarkan ke dalam bentuk transkripsi teks dan dianalisis melalui perisian aplikasi Atlas.Ti. Seterusnya data-data yang diperoleh tersebut akan dibahagikan mengikut tema-tema yang diperlukan bagi mencapai objektif kajian.

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini akan menganalisis 14 orang informan yang berumur antara 18 hingga 30 tahun dan terdiri daripada dua jenis latar belakang dan tahap pendidikan yang berbeza iaitu kumpulan pertama ialah netizen yang mempunyai tahap pendidikan Ijazah Sarjana Muda dan merupakan pelajar sepenuh masa di institusi pendidikan tinggi. Manakala kumpulan yang kedua adalah netizen yang mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia yang bekerja di dalam sektor peruncitan.

Tabayyun Netizen Dalam Menerima Maklumat Di Media Sosial

Berikut adalah rajah data mengenai tabayyun netizen dalam menerima maklumat di media sosial yang telah dikumpul melalui perbincangan kumpulan fokus dan ditukar ke dalam bentuk tema.



Rajah 1: Amalan Tabayyun netizen dalam menerima maklumat di media sosial

Rajah 1 di atas menunjukkan hasil data dan tema yang diperolehi dari 14 orang informan mengenai tabayyun mereka dalam menerima maklumat di media sosial. Terdapat sedikit perbezaan pandangan daripada sudut amalan tabayyun dari kedua-dua kumpulan netizen. Kumpulan pertama iaitu yang mempunyai tahap pendidikan Ijazah Sarjana Muda bersepakat dan mempunyai pandangan yang majoriti iaitu mereka lebih bersikap berhati-hati dan cermat dalam memilih dan menerima sesuatu maklumat di dalam media sosial. Hal ini kerana mereka mempunyai sikap ragu-ragu terhadap kebanyakan maklumat yang diterima di media sosial dan tidak terus meletakkan kepercayaan terhadap maklumat-maklumat tersebut.

Majoriti informan dari kumpulan pertama membaca dengan teliti terhadap maklumat yang diterima kemudian membuat penelitian dengan membuat *crosscheck* terhadap status kesahihannya melalui melalui sumber-sumber yang dipercayai dan berautoriti sebelum membuat keputusan untuk menyebarkannya. Informan PK2 menyatakan bahawa beliau menerima dan membaca sesuatu maklumat yang diterima dengan berhati-hati kemudian menilai statusnya dengan merujuk dari sumber-sumber yang sahih.

“Kalau saya, saya terima dan lihat adakah perkara itu betul. Dan jika ia daripada pihak yang berautoriti dan sahih maka saya akan kongsi.”

Terdapat kajian lepas mengenai tinjauan aplikasi tabayyun terhadap pelajar Tamhidi Universiti Sains Islam Malaysia mendapati bahawa 15 peratus pelajar Tamhidi di Universiti Sains Islam Malaysia mengamalkan konsep tabayyun iaitu memastikan kesahihan sesuatu berita yang diterima sebelum berkongsi (Zulhilmi et al. 2018). Begitu juga kajian Fatkhurrahman (2018) mendapati bahawa tahap kemampuan mahasiswa di Indonesia dalam menilai sesebuah berita palsu adalah dalam kategori sederhana serta pendedahan mahasiswa terhadap dunia maya dan teknologi menjadi faktor terhadap amalan membuat penilaian dan penelitian maklumat.

Manakala bagi kumpulan kedua pula, kebanyakan informan mempunyai pendapat yang hampir sama dengan kumpulan yang pertama iaitu menerima maklumat dan menyelidik status kesahihannya. Namun begitu, terdapat sedikit perbezaan terhadap amalan menyelidik iaitu sebahagian daripada mereka menerima sesuatu maklumat kemudian menyelidik dan menilai status kesahihannya dari sudut melihat kepada foto dan ruang komen yang terpapar di laman media sosial terutama menerusi aplikasi Facebook dan Twitter. Sebagaimana pendapat informan PK7 menyatakan bahawa beliau menerima maklumat di media sosial dan menilai tahap kesahihannya dengan melihat pada gambar dan ruang komen bagi melihat pandangan orang lain terhadap isu tersebut.

“Saya baca lepastu tengok gambar kalau diorang ada bagi gambar lepas tu baca komen semua dekat Facebook dan Twitter. Saya tengok dari situ je dan maybe 80 peratus saya percaya”.

Terdapat kajian lepas Fatkhurrahman (2018) mendapati bahawa kemampuan menyaring kesahihan sesuatu berita dapat dilihat dari beberapa aspek iaitu penilaian judul, penilaian sumber, konten, foto dan sumber berita. Penilaian kesahihan melalui gambar boleh diambil kira sebagai aspek penelitian maklumat dengan syarat ianya dari laman sumber yang dipercayai dan berautoriti. Tambahan lagi, kedua-dua kumpulan informan menerima maklumat dan berita di media sosial bergantung kepada minat dan jenis sesuatu berita. Hal ini boleh dikaitkan dengan tahap kemampuan kognitif seseorang individu tersebut. Menurut Ji et al. (2014) kemampuan mengendali dan memproses sesuatu maklumat adalah terhad dan memerlukan kepada usaha kognitif.

Hal ini disokong oleh Muhamad Faisal et al. (2019) kewujudan lambakan maklumat di media sosial menyebabkan netizen sukar untuk menilai dan meneliti keseluruhan maklumat dan menjadikan mereka lebih selektif terhadap maklumat dan berita yang diperlukan dan diminati sahaja. Selain daripada itu, kedua-dua kumpulan netizen menilai dan memeriksa maklumat yang diterima dengan bertanyakan dan merujuk kepada ahli pakar dalam bidang disamping ahli keluarga dan rakan-rakan. Sebagaimana yang dinyatakan oleh PK5 dan PK6 bahawa mereka menerima maklumat bergantung kepada minat dan bertanyakan status kebenarannya daripada orang lain.


“Saya pula akan tengok pada minat juga. Kalau caption tu macam menarik saya akan bukak dan baca. Kalau benda tu macam tak betul saya akan abaikan lah dan tak akan bagitahu sesiapa. Saya pun akan check tanya family dan kawan dan baca komen jugak,. Kalau ramai kata tak betul so saya tak sebar lah sebab kalau sebar akan jadi fitnah. Tapi kalau benda-benda yang menarik dan bermanfaat tu saya akan terus share lah”

“Saya akan copy maklumat itu dan masukkan dalam group whatsapp family saya dahulu kerana ayah saya seorang yang jenis suka membaca dan apabila kami tanya pada ayah, ayah akan bincang dengan kami semua dan selidik bersama”.

Dapat disimpulkan bahawa amalan tabayyun netizen dari sudut menyelidik maklumat dari kedua-dua kumpulan mempunyai kesamaan yang hampir sama akan tetapi terdapat sedikit perbezaan dari sudut rujukan dan sumber. Kumpulan pertama lebih mendahulukan sumber yang berautoriti dan merujuk kepada ahli-ahli yang berpengalaman dan pakar. Manakala kumpulan kedua dilihat kurang berhati-hati dalam aspek penyelidikan dan penelitian maklumat iaitu menyemak dengan hanya melihat foto dan ruangan komen serta bertanyakan kepada rakan dan ahli keluarga untuk mendapatkan pandangan dan melihat reaksi individu lain.

Tabayyun Netizen Dalam Menyampaikan Maklumat Di Media Sosial

Berikut adalah rajah data mengenai tabayyun netizen dalam menyampaikan maklumat di media sosial yang telah dikumpul melalui perbincangan kumpulan fokus dan ditukar ke dalam bentuk tema.



Rajah 2: Tabayyun netizen dalam menyampaikan maklumat

Rajah 2 di atas menunjukkan hasil data dan tema yang diperoleh dari 14 orang informan mengenai tabayyun netizen dalam menyampaikan maklumat di media sosial. Berdasarkan maklumat yang diperoleh, majoriti dari kedua-dua jenis kumpulan netizen berkongsi maklumat yang diterima di laman media sosial setelah yakin dengan status kesahihannya. Kebanyakan informan menyatakan bahawa mereka berkongsi maklumat yang penting seperti isu kesihatan, kekeluargaan dan keagamaan untuk manfaat kepada orang lain sahaja sebagaimana yang dinyatakan oleh PK2.

“Kalau saya, saya terima dan lihat adakah perkara itu betul. Dan jika ia daripada pihak yang berautoriti dan sahih maka saya akan kongsi. Tetapi bukan semua maklumat saya kongsi, hanya maklumat yang bermanfaat sahajalah dan perkara yang boleh mendatangkan pahala.”

Namun terdapat sedikit perbezaan pandangan daripada kumpulan yang kedua. Terdapat informan yang menyatakan bahawa beliau berkongsi maklumat dan berita yang menarik perhatian dan isu viral jika berita itu penting terutama dalam hal yang melibatkan isu kesihatan. sebagaimana yang dinyatakan oleh PK7.

“Tengok jugaklah kalau macam benda alah tu penting, sebarlah. Kalau viral pasal isu semasa lagi-lagi bab kesihatan dan keluarga saya akan share lah.”

Hal yang demikian menunjukkan perbezaan kumpulan pertama lebih berhati-hati dalam isu perkongsian maklumat dan berita dengan memastikan kesahihannya terlebih dahulu kemudian menyebarkannya untuk manfaat dan pengetahuan orang lain. Manakala sebahagian informan dari kumpulan kedua kurang memiliki sikap cermat dan berhati-hati apabila berkongsi dengan hanya melihat kepada isu yang viral dan menarik sahaja. Menurut Nadia (2017) perkongsian maklumat dengan sikap lalai dan tidak berhati-hati dalam menentukan kesahihan sesuatu maklumat mudah tededah kepada penularan berita palsu dan berpotensi tinggi untuk menjadi tular yang boleh membawa kepada kesan yang buruk.

Menurut kajian yang statistik yang dilakukan oleh Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (2018) menyatakan bahawa sebanyak 61.8% pengguna internet di Malaysia menunjukkan sikap suka untuk menyebarkan maklumat di alam maya. Justeru itu sikap teruja dalam berkongsi sesuatu maklumat yang diterima tanpa menyelidik memberi impak yang negatif dan boleh mewujudkan panik dalam kalangan netizen (Zulkiple Abd Ghani. 2010). Hal ini disokong oleh Ali Salman et al. (2019) berita palsu yang tersebar di media sosial mewujudkan suasana yang cemas dan huru-hara dalam kalangan masyarakat sehingga boleh mendorong kepada faktor pergaduhan dan perbalahan.

Walaubagaimanapun, terdapat beberapa informan daripada kedua-dua jenis kumpulan netizen yang memutuskan untuk tidak minat berkongsi maklumat yang diterima kerana tidak yakin dengan status kesahihan maklumat tersebut sebagaimana yang dinyatakan oleh PK14.

“Bagi saya pula, saya seorang yang malas membaca. Jadi apabila saya menerima sesuatu maklumat itu, saya hanya baca seimbis lalu sahaja. Cukup baca untuk pemahaman kita sahajalah. Saya takut untuk sebar sebab takut maklumat itu salah.”

Berdasarkan data berikut, menunjukkan bahawa hanya empat orang daripada 14 orang informan yang terdiri daripada netizen yang mempunyai latar belakang pendidikan yang berbeza memutuskan untuk tidak berkongsi maklumat yang diterima. Namun, mereka tidak mengabaikan terus maklumat yang diterima tetapi sekadar untuk memenuhi kefahaman sendiri dan untuk pengetahuan sendiri sahaja terutama maklumat yang penting dan berkaitan dengan isu semasa sahaja.

KESIMPULAN

Kajian ini memberikan gambaran dan info yang penting mengenai tabayyun netizen dalam menerima dan menyebarkan maklumat di media sosial. Hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dari dua kumpulan yang berbeza dari segi latar belakang dan tahap pendidikan terhadap amalan tabayyun mereka dalam menerima dan menyebarkan maklumat di media sosial. Perbezaan latar belakang dan tahap pendidikan menjadi faktor yang membawa kepada amalan tabayyun netizen dalam menerima dan menyebarkan maklumat di media sosial.

Hasil kajian mendapati bahawa kedua-dua jenis netizen mempunyai amalan tabayyun yang hampir sama iaitu terima, selidik dan sebar. Namun terdapat sedikit perbezaan dari sudut cara penelitian maklumat iaitu pemilihan rujukan sumber. Kumpulan netizen yang mempunyai latar belakang pendidikan Ijazah Sarjana Muda dilihat mempunyai amalan tabayyun yang baik dengan berhati-hati dalam menerima maklumat dan merujuk kepada sumber yang sah dan berautoriti sebelum berkongsi. Manakala sebahagian daripada informan kumpulan kedua iaitu netizen yang mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia menerima maklumat dan menentukan kesahihannya melalui foto dan ruang komen serta melalui laman yang tular di aplikasi media sosial.

Kajian ini memberi implikasi yang besar dari aspek gaya penentuan kesahihan maklumat serta cara pengendalian maklumat di media sosial sama ada dari sudut penerimaan dan perkongsian maklumat. Tambahan lagi, pengamalan konsep tabayyun sewaktu berhadapan dengan maklumat di media sosial dapat membendung penularan berita palsu dalam kalangan masyarakat dan jaringan media sosial dapat digunakan dengan cara yang baik serta memberi manfaat yang besar kepada masyarakat keseluruhannya.

PENGHARGAAN

Penulisan ini merupakan sebahagian daripada hasil penyelidikan dari geran GUP-2018-011.

Rujukan

Al-Quran.

Ali Salman & Siti Minanda Pulungan. 2017. Pendedahan diri, motivasi dan kepuasan penggunaan facebook dalam menjalin persahabatan. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 33(1): 438-459.

Al-Imam Abu Al-Fida Ismail Ibn Kathir Ad-Dimasyqi. 2012. *Tafsir Ibn Kathir*. Bandung: Sinar Baru Algensindo. hlm 322.

Al-Maraghi, Ahmad Mustafa Al-Maraghi, 1983. *Terjemahan tafsir al-maraghi*. Pustaka al-Azhar. Kuala Lumpur, Malaysia.

Andrews, L. 2011. *I know who you are and I saw what you did: social networks and the death of privacy*. New York: Free Press.

Dina Nasicha. 2016. Makna tabayyun dalam Al-Quran. Tesis Master, Fakultas Ushuluddin dan Humaniora, Universitas Islam Negeri Walingsongo, Semarang Indonesia.

Faradillah Iqmar Omar, Hazlin Falina Rosli, Nurzakira Afnee Zakaria & Nuraina Nabila Dundai Abdullah. 2015. Hubungan penggunaan media sosial dan penerimaan mesej dakwah. *Proceeding of The 2nd International Conference on Management and Muamalah*. 2015, p. 181-191.

Farah Waheeda Yahya & Muhammad Faisal Ashaari. 2019. Konsep al-tabayyun dan faktor mendorong maklumat fasiq di alam maya. *Jurnal Al-Tahkim*, 9(1): 8-14.

Farris Shahiran Mohd Rizal, Chairel Azizi Abd Halim, Haiqal Haziq Nor Sham, Izzudin Hakim Muhd Sukur, Derham Idjie & Jalaludin Mohd Aris. 2019. Faktor yang menyumbang dan cara mengatasi penyebaran berita palsu. *Pembentangan Akhir Pelajar Pengajian Islam Universiti Tun Hussein Onn*. 2019.

Fatkhurrahman. 2018. Kemampuan mahasiswa tempatan menilai berita palsu atau “hoax” dalam media sosial dalam upaya pengembangan jiwa kewirausahaan. *Jurnal Benefita*, 3(3): 417-426.

- Hoq, K. M. G. 2014. Information overload: Causes, consequences and remedies- A study. *Philosophy and Progress*, LV-LVI(1-2). doi: 10.3329/pp.v55i1-2.26390
- Iftitah Jaafar. 2017. Konsep berita dalam al-quran: implikasinya dalam sistem pemberitaan di media sosial. *Jurnalisa*, 3(1): 1-15.
- Ika Rusdina. 2018. Kognisi pembaca berita palsu (fake news) di media online. *Jurnal Kodifikasi*, 12(2): 185-196.
- Kamarul Azmi Jasmi. 2012. Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif. *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012*. 28-29 Mac 2012, Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Jalan Datin Halimah, 80350 Johor Bahru, Johor.
- Mohd Anuar Ramli, Muhammad Izzul Syahmi Zulkepli, Mohammad Naqib Hamdan & Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar. (2018). Aplikasi al-tabayyun dalam menangani penularan maklumat palsu berkaitan produk halal. *Jurnal Al-Basirah*, 8(1): 23-36.
- Muhamad Faisal Ashaari, Lily Yaakob, & Rosmawati Mohamad Rasit. 2017. *Dinamisme Islam di Alam Maya*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam UKM.
- Muhammad Faisal Ashaari, Nor Faizah Ismail & Rosmawati Mohamad Rasit. 2019. Reaksi netizen muda terhadap banjir maklumat di alam maya. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 35(3): 390-406.
- Musa Abu Hassan, Zulkiple Abd. Ghani, Mohd Shobi Ishak, Jusang Bolong & Siti Zobidah Omar. 2011. Tahap Penerimaan Maklumat Berkaitan Islam Di Internet Dari Perspektif Model Penerimaan Teknologi (TAM). Bangi: UKM
- Mohd Iskandar Ibrahim & Farah Marshita Abdul Patah. 2020. COVID-19: 259 kertas siasatan berita palsu dibuka <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/685487/covid-19-259-kertas-siasatan-berita-palsu-dibuka> [8 Mei 2020].
- Mohd Asim Ismail. 2018. Tabayyun menjamin perpaduan ummah. *Utusan Online*. <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/tabayyun-menjamin-perpaduan-ummah-1.671979> [29 April 2019]
- Nadia Fauzi. 2017. *Penggunaan Media Sosial Dalam Dunia Tanpa Sempadan: Suatu Kebaikan Atau Keburukan?*. Bandar Baru Bangi: Institusi Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP).
- Nor Aslamiah Ali. 2012. Laman media sosial: Tren komunikasi masa kini. *DimensiKoop* Nov: 46-50.
- Othman Lebar. 2006. *Penyelidikan kualitatif: pengenalan kepada teori dan metod*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Sara Chinnasamy. 2017. Tahap literasi media elak diperdaya laporan palu <https://www.bharian.com.my/node/270678> [3 Mei 2020].
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. 2018. *Kajian Statistik Pengguna Internet*. Cyberjaya: Penerbit Suruhnjaya Komunikasi Dan Multimedia.
- Syarifah Sari Binti Datu Asal. 2018. Pembingkai Berita Muka Hadapan Akhbar Dalam Talian Berdasarkan Konsep Al-Tabayyun. Tesis Sarjana, Jabatan Dakwah & Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Ezaleila Mustafa & Azizah Hamzah. 2011. Media Baharu Yang Baharu: Trend Penggunaan Jaringan Sosial Dalam Kalangan Pengguna Di Malaysia. *Malaysian Journal of Media Studies* 13(2): 93-110.
- Wan Hakim b. Wan Mohd Nor, Fatin Nazmin Mansor & Nik Mohd Nabil b. Ibrahim @ Nik Hanafi. 2018. Kepentingan tabayyun dalam mendepani arus globalisasi. *4th International Conference On Islamiyyat Studies 2018*, hlm. 411-421.
- Zulhildi Abdullah, Halimatun Sa'adiyah Ariffin, Shaharudin Ismail & Ahmad Nazrul Rosli. 2016. Kebolehpercayaan Maklumat Elektronik: Tinjauan Awal Terhadap

- Pelajar Tamhidi. *Conference: 2nd International Convention of Islam, Science & Education, At Universiti Sains Islam Malaysia*, hlm. 641-647.
- Zulkiple bin Abd Ghani. (2010). *Dakwah dalam Era Siber di Malaysia*. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).